

24/09/1997

50 anggota bomba sertai misi di Indonesia

MELAKA, Selasa - Seramai 50 anggota, termasuk lima pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Melaka berlepas dari sini, awal pagi ini, ke Pelabuhan Klang bagi menyertai misi membantu memadamkan kebakaran di Indonesia.

Pasukan yang diketuai Penolong Penguasa Bomba Baharom Md Yamin, berlepas dari Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Negeri di Ayer Keroh pada kira-kira jam 6.30 pagi.

Ketua Cawangan Operasi Negeri, Azizan Ismail, berkata semua anggota terbabit akan berkumpul di Shah Alam sebelum berlepas bersama-sama 1,000 anggota lain dari seluruh negara ke Indonesia, melalui Pelabuhan Klang.

"Mereka akan berkumpul di Shah Alam dan kemudiannya sama-sama menaiki kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menuju ke Sumatera, Indonesia," katanya.

Menurut Azizan, kesemua anggota yang menyertai misi memadam kebakaran itu akan berada di Indonesia antara satu hingga dua minggu.

Katanya, anggota bomba dibekalkan dengan peralatan seperti jaket bomba, kameja-T, dua pakaian seragam berwarna kuning dan biru serta topi keledar untuk individu semasa bertugas di sana.

"Pasukan itu dibekalkan dengan pam air, mesin gergaji, khemah, lampu suluh, kapak, tali penyelamat, barang makanan dan minuman serta peti pertolongan cemas," katanya.

Azizan berkata, penghantaran anggota bomba ke Sumatera untuk membantu memadamkan kebakaran di sana adalah arahan dari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)